

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**KAJIAN KEFAHAMAN DASAR  
KESEJAHTERAAN KELUARGA  
DALAM GOVERNAN  
MASYARAKAT MAJMUK DI  
SARAWAK DARIPADA  
PERSPEKTIF *SIASAH SYAR'IYYAH***

**AWANG NIB ZUHAIRI BIN  
AWANG AHMAD**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Doktor Falsafah**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**Februari 2024**

## ABSTRAK

Permasalahan pengetahuan serta kefahaman terhadap dasar kesejahteraan keluarga daripada perspektif *siasah syar'iyyah* merupakan isu yang akan menentukan gaya pentadbiran dan pengurusan kerajaan. Pemerintah dan masyarakat majmuk yang tidak memahami elemen serta prinsip dasar kesejahteraan keluarga yang sebenar akan menjerumuskan negara dan masyarakat majmuk ke dalam situasi yang tidak harmoni dan sejahtera. Justeru itu, tujuan kajian ini adalah untuk meneroka dasar kesejahteraan keluarga menurut pandangan ulama dalam bidang *siasah syar'iyyah* dan mengekplorasi dasar-dasar kesejahteraan keluarga yang dilaksanakan dalam governan masyarakat majmuk di Sarawak. Selain itu, kajian turut menganalisis kefahaman responden terhadap elemen *siasah syar'iyyah* dalam pembentukan dasar kesejahteraan keluarga governan di Sarawak dan mendedahkan petunjuk utama *siasah syar'iyyah* dalam dasar kesejahteraan keluarga governan di Sarawak. Metodologi kajian ialah mengaplikasikan metod campuran (*mixed metode*) iaitu kuantitatif melalui soal selidik dan kualitatif melalui temu bual. Kajian ini melibatkan 500 responden soal selidik dalam pelbagai latar belakang kepercayaan dan etnik yang dipilih daripada penjawat awam negeri Sarawak, agensi berkaitan kerajaan, ketua masyarakat dan lain-lain pekerjaan. Data yang diperolehi melalui soal selidik telah dianalisis menggunakan program SPSS versi 22. Untuk itu statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan statistik jadual silang (*cross tabulation*) digunakan bagi menerangkan latar belakang responden dan menilai tahap pengetahuan serta kefahaman mereka terhadap dasar kesejahteraan keluarga dalam governan masyarakat majmuk di Sarawak berdasarkan perspektif *siasah syar'iyyah*. Kajian ini turut mengaplikasikan Ujian Anova dan Ujian T (*T-Test*) untuk menjawab 28 hipotesis nul kajian. Kajian ini turut melibatkan 5 informan untuk temu bual. Seterusnya data daripada kajian temu bual dianalisis menggunakan perisian Nvivo Versi 12. Dapatkan kajian ini telah mengenal pasti 10 prinsip *siasah syar'iyyah* menurut pandangan ulama bagi membina dasar kesejahteraan keluarga. Selain itu, dapatkan kajian juga memperoleh 10 dasar kesejahteraan keluarga yang dilaksanakan dalam governan masyarakat majmuk di Sarawak. Manakala kajian soal selidik mendapat tahap kefahaman responden dalam kajian ini adalah tinggi. Dapatkan kajian temu bual mendapat 10 tema yang dikenal pasti menjadi tumpuan responden temu bual. Seterusnya terdapat 12 petunjuk prestasi utama dasar kesejahteraan keluarga dalam governan masyarakat majmuk di Sarawak daripada perspektif *siasah syar'iyyah*. 12 petunjuk ini dirangkumkan dalam 10 dasar kesejahteraan keluarga yang dilaksanakan dalam kerajaan Sarawak. Berdasarkan dapatkan kajian, terdapat 4 cadangan untuk dilaksanakan dalam pentadbiran kerajaan dan 3 cadangan kajian susulan dikemukakan untuk memperluaskan hasil kajian yang lebih fokus kepada kumpulan tertentu dan dapatkan kajian yang lebih relatif.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمَرْسَلِينَ وَعَلَىٰ اللَّهِ وَصَاحْبِهِ  
أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah, merafakkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan nikmat serta keluasan rahmat, kasih sayang yang tiada penghujung dan pertolonganNya, saya diberi kekuatan oleh Allah SWT untuk menyempurnakan tesis ini bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pengajian Islam Kontemporari di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Pertamanya, saya ingin menzahirkan ucapan penghargaan dan jutaan terima kasih atas doa ibu tercinta . Terima kasih juga kepada seorang isteri , anak-anak Dayangku Nabila, Dayangku Afzan Sofea, Dayangku Sarah Nadia, Dayangku Izzah Kamila, Awangku Ezzat Kamil dan Dayangku Airish Humayra dan ahli keluarga atas sokongan dan pengorbanan tiada berbelah bahagi serta dorongan yang diberikan sepanjang pengajian untuk menyempurnakan perjalanan ilmu ini.

Saya turut menghargai dan mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Penyelia Utama Prof. Madya Dr. Hadenan Haji Towpek dan Penyelia Bersama Dr. Mohd Akmal Sidik. Seterusnya Prof. Madya Dr. Abdul Razak Haji Abdul Kadir, Dr. Mohd. Asyraf Yusuf, UiTM Kampus 2 Samarahan. Seterusnya Dekan ACIS, Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik ACIS, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar ACIS, Ketua Pusat Pengajian Pascasiswazah ACIS Prof. Madya Dr. Rafeah Saidon, Koordinator Pascasiswazah ACIS Dr. Mohd Faiz Mohamed Yusof dan Prof. Madya Dr. Mohd Dani Muhamad.

Begitu juga saya merakamkan terima kasih tanpa sempadan kepada YBhg. Datu Dr. Adi Badiozaman Tuah, Sahibus Siyadah Datu Haji Khalidi Haji Ibrahim, Pengarah JAIS, Dr. Hasyfa Bakry Hassan dan Al-Fadhil Ustaz Hasanudin Bujang atas sokongan, kerjasama dan tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan kajian bagi menyempurnakan tesis PhD ini.

Akhirnya, rantaian terima kasih juga kepada seluruh warga ACIS, responden, informan dan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung membantu serta mendorong motivasi untuk saya menyelesaikan tesis PhD ini. *Alhamdulillah wa barakallahu Taala.*

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENYELIDIK</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xxii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xxiv</b>
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	<b>xxv</b>

## BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Signifikan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Objektif Kajian	11
1.7 Metodologi Kajian	11
1.8 Definisi Operasional	49
1.9 Tinjauan Literatur	54
1.10 Kerangka Teori Kajian	77
1.11 Kerangka Konseptual Kajian	78
1.12 Kesimpulan	79

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Dasar kesejahteraan keluarga yang tidak komprehensif dan tidak menepati kehendak *siasah syar'iyyah* boleh menjerumuskan masyarakat majmuk ke arah kerosakan dan kerugian dunia serta akhirat. Selain itu, ketiadaan dasar kesejahteraan keluarga yang efektif turut mengakibatkan kesan-kesan negatif dalam masyarakat majmuk bahkan akan melarat menjadi penyakit sosial sekiranya tidak ditangani secara tuntas. Hal ini kerana dasar kesejahteraan keluarga yang beracuankan *siasah syar'iyyah* adalah satu rukun bagi membina ketamadunan manusia. Tamadun yang gemilang adalah berpaksikan kepada dasar-dasar yang bersifat kemanusiaan dan menepati kehendak Islam yang diekplorasikan melalui prinsip yang terdapat dalam *siasah syar'iyyah*. Lantaran itu, kerajaan berperanan besar bagi merealisasikan dasar-dasar kesejahteraan keluarga sebagai satu pemangkin kepada pembinaan ketamadunan manusia. Dasar-dasar ini tidak dapat dikuatkuasakan oleh individu dan masyarakat. Hal ini kerana hanya kerajaan mempunyai autoriti dan jentera yang terdiri daripada agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang berkaitan bagi melaksanakan dasar-dasar tersebut secara efektif. Justeru itu, pemimpin yang mentadbir negara dan juga masyarakat majmuk perlu memahami dasar kesejahteraan keluarga daripada perspektif *siasah syar'iyyah* bagi memudahkan objektif penggubalan serta pelaksanaan dasar kesejahteraan keluarga dan masyarakat majmuk yang faham tidak akan menentang dasar-dasar tersebut. Kesejahteraan keluarga akan memudahkan pembinaan sebuah masyarakat majmuk yang bertamadun serta menyumbang kepada kemajuan sesebuah negara. Sebuah negara yang baik dan sejahtera akan mendapat keampunan serta rahmat daripada Allah SWT. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“*Negeri yang baik dan Tuhan yang maha pengampun*”

Surah Saba': 15